

26/03/2004

Antara komputer bodoh dan pilihan raya

Khairul Anuar Abdul Samad

KOMPUTER adalah satu alat elektronik yang bodoh. Untuk mencerdikkannya, ia memerlukan tenaga manusia untuk menyambungkan tenaga elektrik ke komputer dan seterusnya memanfaatkannya dalam mencari dan menyalurkan maklumat.

Komputer ibarat seekor lembu, jika manusia tidak mengarahkannya, ia tidak dapat berfungsi dengan hebat dan anggapan sesetengah orang yang komputer itu hebat dalam memberi maklumat adalah tidak tepat. Semuanya dengan bantuan manusia.

Senario yang berlaku pada Pilihan Raya Umum Ke-11 Ahad lalu, membuktikan komputer bukannya cerdik yang mampu melakukan tugas tanpa arahan manusia.

Kelancaran sistem komputer pada pilihan raya itu semuanya bergantung kepada manusia yang mana tanggungjawabnya banyak terletak kepada keupayaan kakitangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan senario yang berlaku melambangkan mereka berada dalam kategori tidak begitu `tech savvy`.

Moto SPR, `cekap dan telus` dianggap bagaikan gagal terutama dalam melaksanakan fungsinya bagi menyediakan perkhidmatan yang cekap, mantap serta lancar apabila komputer disalahkan kerana gagal untuk berfungsi dengan sebaiknya.

SPR bukannya pertama kali berurusan dengan pilihan raya dan kerjanya bukan setiap hari atau setiap bulan. Kerjanya dilihat setiap lima tahun sekali atau ketika pilihan raya kecil, tetapi masih lagi gagal mengendalikan urusan pengundian dengan lancar hanya kerana masalah komputer.

Cara terbaik untuk `menjernihkan` suasana ini ialah dengan meminta maaf bagaikan dalam sebuah lagu filem Allahyarham Tan Sri P Ramlee, "maafkan kami".

Setiausahanya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, akhirnya terpaksa membuat pengakuan: "Kita malu dengan keadaan ini. SPR memang dukacita dan malu. Banyak perkara perlu dibersihkan, jadi tidak tidur kakitangan SPR."

Sebagai badan yang mempunyai tanggungjawab besar, sebarang tugas yang dipertanggungjawabkan walaupun sebesar debu, harus dianggap sebagai tugas besar walaupun berkaitan dengan sebuah komputer bodoh.

Oleh kerana negara kini memanfaatkan sepenuhnya teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), selain bermegah dengan kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC), sistem komputer harus sentiasa diberi pemantauan terutama badan seperti SPR.

Sistem komputer yang kini dianggap sebagai tunjang utama kejayaan sesebuah organisasi harus diberi keutamaan yang mana SPR sepatutnya sudah memastikan komputer yang bakal dibekalkan untuk hari pengundian haruslah mantap.

Namun, apa yang berlaku sebagaimana kata Wan Ahmad, sistem komputer yang terlalu lambat pada hari pengundian sehingga petugas pusat pengundian lambat memasukkan nama pengundi menyebabkan orang ramai terpaksa berbaris panjang.

Apa yang silapnya dalam pengendalian sistem komputer ialah SPR sebenarnya tidak peka bahawa komputer pada hari itu mampu memberi banyak bantuan, tetapi petugas di situ bagaikan tidak bersedia untuk berhadapan dengan senario ini.

Ini menunjukkan SPR memang tidak bersedia dengan kepakaran dalam bidang komputer, tetapi hanya lebih menumpukan kepada kejayaan untuk menghasilkan jumlah pengundi yang ramai.

Agak malang sekali jika teguran bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya organisasi kerajaan mempertingkatkan keupayaan sistem komputer mereka, gagal dilaksanakan.

Menjelang hari pilihan raya, SPR sepatutnya sudah tahu senario persekitaran tempat mengundi dan penggunaan komputer haruslah disediakan dengan keperluan sepatutnya bagi mengatasi sebarang masalah.

Malah yang lebih penting, petugas yang memasukkan data atau menyemak nama pengundi, bukan hanya tahu menekan kekunci saja, sepatutnya mereka tahu mengendalikan kemusykilan timbul apabila komputer meragam.

Komputer bukannya susah untuk dikendalikan sebagaimana konsep komputer diperkenalkan iaitu 'plug and play', tetapi yang menyusahkan penggunaannya ialah manusia yang agak 'takut' untuk mengusiknya.

Sepatutnya perkara seperti itu tidak harus berlaku kerana SPR baru saja melaksanakan sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun yang dikendalikan menerusi sistem komputer.

Ketika memperkenalkan sistem itu baru-baru ini di Putrajaya, Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman dengan bangganya menegaskan bahawa tiada siapa yang boleh main-main, boleh melakukan penipuan ketika pendaftaran termasuk sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab dan ada kepentingan politik.

Beliau juga menjelaskan bahawa di bawah pendaftaran sepanjang tahun ini, individu yang ingin memohon status pemilih atau menukar alamat ataupun membuat semakan, perlu hadir sendiri dengan membawa kad pengenalan.

Namun, apa yang berlaku pada hari pengundian itu, indah khabar daripada rupa. Komputer yang sepatutnya memudahkan urusan pengendalian pengundi menjadi sebaliknya sehingga menimbulkan kemarahan ramai pihak yang terpaksa menempuhi pelbagai kesukaran pada hari itu.

Nampak sangat SPR masih tidak profesional dalam mengendalikan urusan pengundi menggunakan teknologi canggih yang mana senario ini memerlukan satu bedah siasat untuk memastikan hari pengundian lima tahun akan datang lebih mantap.

Untuk memastikan sistem komputer laju dan tidak lambat, sistem yang digunakan itu hendaklah terkini yang berupaya mengendalikan urusan pemprosesan yang berat serta kritikal selain tersedia dengan talian berkeupayaan tinggi seperti jalur lebar.

Semua orang sedar, SPR bukannya sebuah badan yang mampu untuk menyediakan kemudahan canggih seperti itu di setiap kawasan pembuangan undi, namun mereka boleh bekerjasama dengan syarikat komputer atau telekomunikasi tempatan.

Malaysia mempunyai syarikat komputer dan telekomunikasi yang mantap dan mampu menyediakan kemudahan komputer canggih selain talian berkuasa besar seperti jalur lebar bukannya mengharap kepada sistem "dial-up".

Tidak guna SPR menyediakan peruntukan yang besar sehingga mencecah berjuta-juta ringgit kalau sistem komputernya boleh dinilai berada pada peringkat 'lemah' sehingga ramai pihak yang 'amat panas' pada hari itu meminta dua tokoh utama SPR, letak jawatan.

Sebagai jentera kerajaan yang penting dengan melaungkan suruhan supaya keluar mengundi untuk menentukan masa depan negara, adalah agak memalukan sekiranya sistem komputer SPR macam sistem 'budak sekolah'.

SPR harus ingat, zaman siber kini, komputer bukan lagi menjadi barangan permainan yang hanya untuk memasukkan data. Harus diingat, zaman dunia tanpa sempadan ini membolehkan banyak perkara berlaku pada data atau sistem komputer SPR jika tahap savvynya tidak diutamakan.

Mungkinkah disebabkan senario lemah SPR ini, berlakunya pemindahan nama pengundi tanpa pengetahuan pengundi walaupun ia dikatakan dilakukan oleh SPR, sedangkan semakan pertama mendapati nama pengundi ada di kawasan

berkenaan.

Sistem komputer yang lemah akan mendedahkan risiko dicerobohi oleh penceroboh komputer (hackers). Malang tidak berbau kerana jika ini berlaku, ia boleh menyebabkan data pengundi di pangkalan data SPR hilang atau diubah dengan mudah.

Setakat mana, kekebalan ciri keselamatan sistem komputer SPR tidak siapa tahu dan organisasi itu tidak pernah mendedahkan tahap keselamatan data pada sistemnya.

Oleh kerana senario yang kecil ini sudah menimbulkan satu situasi berat walaupun SPR menganggapnya kecil, apa akan terjadi pada masa depan jika wujud sistem pengundian secara elektronik atau e-vote.

Walaupun e-vote agak jauh daripada senario di Malaysia, SPR boleh mendapat sedikit panduan daripadanya untuk memantapkan proses pengendalian pengundian secara memanfaatkan sepenuhnya penggunaan komputer.

Nampaknya, banyak lagi yang harus dilakukan oleh SPR dalam menyediakan sistem komputer yang mantap walaupun tidak canggih dalam menampung kelicinannya mengendalikan sistem pengundian pada masa depan.

SPR harus berpandangan jauh dalam menyediakan sistem komputer yang mantap dengan mengadakan kerjasama rapat bersama syarikat komputer tempatan, sama ada meminta bantuan dari segi penggunaan produk atau kepakaran.

Komputer adalah alat pemudah cara yang menjadikan urusan manusia lebih mudah dan manusia haruslah dibekalkan dengan kepakaran untuk menjadikan kerjasama antara komputer dan manusia berjalan lancar yang mana ini harus menjadi landasan utama SPR ke arah memantapkan sistem komputernya pada pilihan raya akan datang.